

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah fiskal dan kewangan dalam reformasi struktur ekonomi yang menekankan kepada peranan wanita yang dipadankan dengan nilai potensi produktiviti dan pulangan ekonomi khususnya ibu tunggal dan juga warga emas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Reformasi struktur ekonomi melalui langkah fiskal dan kewangan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia. Namun apabila dikaitkan dengan suatu dasar yang memberi penekanan kepada wanita, secara fiskal, ia telah diamalkan oleh Kerajaan melalui penyediaan belanjawan analisis gender (*gender budgeting*) sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan saban tahun. Pendekatan ini memberi perhatian kepada analisis berasaskan bukti dalam membangunkan sesebuah perancangan perbelanjaan, di mana ia lebih peka kepada keperluan khusus untuk kumpulan sasaran yang memerlukan sokongan, termasuklah wanita dan warga emas. Di peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pula, usaha berterusan untuk memastikan perancangan belanjawan yang inklusif dilaksanakan saban tahun melalui Sesi Konsultasi Dasar Bajet melibatkan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan semua kumpulan sasaran di bawah Kementerian ini.

Di bawah KPWKM, langkah fiskal dan kewangan untuk kumpulan sasaran wanita yang dapat menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi termasuklah peruntukan bagi program pemerksaan yang banyak dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai Agensi Kerajaan yang lain dan juga NGO, sebagai contoh, dalam bidang keusahawanan. Pada tahun 2020, KPWKM diperuntukkan sejumlah RM1.5 juta di bawah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP) untuk diagihkan kepada NGO bagi membantu kumpulan sasaran di bawah KPWKM, termasuk wanita. Pada Julai 2020, tambahan RM5.0 juta telah diberikan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PENJANA. Daripada jumlah ini, 138 NGO berkaitan pemerksaan wanita telah menerima sebanyak RM2.33 juta sehingga 7 Oktober 2020.

Mengambil kira kesan ke atas ekonomi individu termasuklah wanita, akibat wabak COVID-19, KPWKM turut dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) yang melibatkan

SOALAN NO : 349

150,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM45 juta. Selain itu, bagi menyokong usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam pasaran kerja, KPWKM telah diperuntukkan sejumlah RM35 juta bagi Bantuan Khas TASKA di bawah PENJANA. Usaha merancakkan kembali industri penjagaan kanak-kanak ini amat signifikan untuk memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai wanita keluar bekerja, sekaligus membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Bagi membantu golongan kurang berkemampuan pula, subsidi yuran pengasuhan turut diberikan di mana sebanyak RM3.27 juta telah pun dibelanjakan yang melibatkan 1,519 penjagaan kanak-kanak.

Selaras dengan usaha merancakkan kembali industri penjagaan kanak-kanak, insentif khusus bagi Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) juga disediakan bagi meningkatkan jumlah pengasuh berdaftar dan memberikan kemahiran kepada golongan yang mahu menceburi bidang ini. Sebanyak RM9 juta telah diperuntukkan untuk-program ini dan dijangka akan diteruskan lagi untuk manfaat yang dapat dinikmati oleh bukan sahaja wanita, tetapi kanak-kanak dan seluruh institusi keluarga.

Sekian, terima kasih.